



# *Tatatertib* **Di Masjid**



JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG





Cetakan Pertama.....2015

Cetakan Kedua.....2018

## TATATERTIB DI MASJID

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman @ sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

*Susunan:*

Bahagian Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

<http://mufti.penang.gov.my>

*Diterbitkan oleh:*

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.



Tel: 04-263 2975

Faks: 04-263 2985

*Rekabentuk/Urus:*

**ROZACH ENTERPRISE**

**- NASKHAH PERCUMA -**





إِنَّ دِينَ الْمُسْلِمِ الْوَسْطِيُّ

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**  
Blok D7 & D9, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62519, PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-8888 4000  
Faks: 603-8889 2039  
Portal Rasmi: [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Ruj Kami : JAKIM.PEN.100-13/1/1 ( )  
Tarikh : 10 Mac 2015

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 48, KOMTAR  
10000 Pulau Pinang  
(u.p. Mohd Jais Anuar bin Ahmad)

Tuan,

**KEBENARAN MENCETAK, MENERBIT DAN MENGEDAR BUKU  
TATATERTIB MASJID**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan no. ruj. JMNPP/19/0007/006 JLD.3 (83) adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini tiada halangan dan memberikan keizinan kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) untuk mencetak, menerbit dan mengedar buku Tatatertib Masjid dengan menggunakan peruntukan Jabatan Mufti Pulau Pinang.

3. Jabatan ini memohon kepada pihak JMNPP untuk menyatakan penerbitan asal dalam buku dan menyerahkan lima salinan buku tersebut kepada Bahagian Penerbitan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk tujuan rekod. Segala perhatian dan keprihatinan pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,


  
(ABDUL HAMID BIN MUHAMMAD SALLEH)  
b.p. Ketua Pengarah



Cetakan Pertama 2009

Cetakan Kedua 2013

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan risalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.



Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Panduan Tatatertib di Masjid

ISBN: 978-983-042-424-8

1. Islam – Customs and practices 2. Religious life-Islam 3. Mosques,  
297.57



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ  
وَأَتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ

الْمُهْتَدِينَ

**Maksudnya:**

*"Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah  
Lagi Maha Penyayang".*

*"Sesungguhnya yang layak memakmurkan (menghidupkan)  
masjid-masjid Allah itu ialah orang yang  
beriman kepada Allah dan hari akhirat  
serta mendirikan sembahyang dan menunaikan  
zakat dan tidak takut melainkan kepada  
Allah, (dengan adanya sifat-sifat  
yang tersebut) maka adalah  
diharapkan mereka menjadi  
dari golongan yang  
mendapat petunjuk".*

**(At-Taubah : 18)**



# BAHAGIAN 1



## SEBELUM BERADA DI MASJID DAN FADHILATNYA

Muka Surat

Berhias Ketika Hendak Ke Masjid	2
Berjalan Ke Masjid Dengan Tenang	4
Jauh Perjalanan	5
Berdoa Ketika Hendak Ke Masjid	6
Kelebihan Pergi Ke Masjid	8
Memberi Salam Dan Berdoa Ketika Melangkah Masuk Ke Masjid	9
Berdoa Ketika Hendak Masuk Dan Keluar Masjid	10
Memelihara Masjid	12





## Berhias Ketika Hendak Ke Masjid

Firman Allah SWT :

﴿يَا أَيُّهَا آدَمُ خُذْ أَوْزِينَتَكَ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلْ وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ﴾



### Maksudnya:

*Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (sembahyang), dan makanlah dan minumlah, dan jangan kamu melampau-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang yang melampaui batas . (al-A'raf : 31).*

### Keterangan

Masjid merupakan tempat yang suci lagi mulia, jadi ia perlu dihormati dan dijaga kebersihannya. Mengikut ayat di atas, para jemaah dikehendaki menjaga kebersihan supaya sidang jemaah dapat menjalankan amal ibadat dalam suasana yang tenang dan ikhlas. Suruhan supaya berhias dengan memakai bau-bauan dan pakaian yang bersih, suci dan indah ketika hendak ke masjid, hendaklah dilakukan terutamanya pada hari Jumaat dan hari raya.

Perlu diingat bahawa suruhan berhias itu janganlah pula menimbulkan sifat bermegah-megah, riya' dan melampau. Mengingatkan bahawa kebersihan menjadi sebahagian daripada iman, adalah lebih patut seseorang itu berpakaian paling bersih dan kemas





ketika ke masjid berbanding dengan tempat-tempat lain yang kita kunjungi.

Bagi kaum perempuan pula, terdapat garis panduan daripada sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : لَا تَمْتَعُوا إِمَاءَ اللَّهِ مَسَاجِدَ اللَّهِ وَلَكِنْ لِيُخْرِجَنَّ وَهِنَّ تَفِلَاتٍ. (رَوَاهُ إِمَامُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ)

### **Maksudnya:**

*Daripada Abu Hurairah RA katanya: Rasulullah SAW bersabda: “Janganlah kamu melarang (perempuan-perempuan) hamba Allah pergi ke masjid-masjid Allah tetapi hendaklah mereka keluar (dari rumahnya) dengan memakai pakaian yang sederhana dan tidak pula memakai bau-bauan”. (Riwayat Imam Ahmad dan Abu Daud).*

### **Keterangan**

Rasulullah SAW menjelaskan kepada kaum wanita yang hendak ke masjid, hendaklah memakai pakaian yang sederhana dan dilarang memakai bau-bauan. Arahan ini adalah untuk menghindarkan sebarang fitnah yang mungkin timbul daripadanya.

Adalah lebih afdhal bagi mereka mengerjakan sembahyang di rumah seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “... (sebagai

seorang perempuan) sembahyang di bilikmu adalah lebih baik bagimu daripada di masjid..”

### **Berjalan Ke Masjid Dengan Tenang**

Sabda Rasulullah SAW :



عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا أُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَلَا تَأْتُوهَا تَسْعُونَ وَأَنْتُمْ تَمْشُونَ عَلَيْكُمْ السَّكِينَةُ فَمَا أَدْرَكْتُمْ فَصَلُّوا وَمَا فَاتَكُمْ فَاتِمُّوا. (رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ)

#### **Maksudnya:**

“Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA katanya: Rasulullah SAW bersabda: “Apabila diqamatkan sembahyang maka janganlah kamu datang kepadanya dengan keadaan berlari-lari (bergopoh-gapah) dan hendaklah kamu datang dengan keadaan berjalan biasa dan hendaklah kamu dalam keadaan yang tenang. Maka berapa banyak rakaat yang kamu peroleh maka sembahyanglah kamu dan mana-mana rakaat yang kamu luput hendaklah kamu cukupkan bilangannya”. (Riwayat Bukhari)

#### **Keterangan**

Nyatalah, bahawa pada hakikatnya Islam tidak mahu umatnya mengerjakan ibadat sembahyang dalam keadaan terkejar-kejar dan tergopoh-gapah dengan tujuan supaya berkesempatan takbiratul ihram bersama-sama Imam.



Namun Islam menganjurkan supaya setiap langkah menuju ke tempat sembahyang adalah dengan keadaan tenang, tenteram dan tidak kelam-kabut. Seseorang tetap dikira sebagai ahli jemaah jika dia berkesempatan bersama-sama Imam sebelum Imam memberi salam. Mana-mana rakaat yang tidak berkesempatan bersama-sama Imam hendaklah disempurnakan.

### **Jauh Perjalanan**

عَنْ أَبِي مُوسَى قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : إِنَّ أَعْظَمَ النَّاسِ أَجْرًا فِي الصَّلَاةِ أَبْعَدُهُمْ إِلَيْهَا مَمْشَى فَأَبْعَدُهُمْ وَالَّذِي يَنْتَظِرُ الصَّلَاةَ حَتَّى يُصَلِّيَهَا مَعَ الْإِمَامِ فِي جَمَاعَةٍ أَعْظَمُ أَجْرًا مِنَ الَّذِي يُصَلِّيَهَا ثُمَّ يَنَامُ. (رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

### **Maksudnya :**

*Diriwayatkan daripada Abu Musa katanya: “Rasulullah SAW bersabda: Bahawa sesungguhnya sebesar-besar pahala yang diberikan kepada manusia yang sembahyang itu ialah mereka yang jauh perjalanannya kepada tempat sembahyang dengan berjalan kaki, kemudian orang lebih jauh lagi (lebih besar pahalanya). Dan orang yang menunggu waktu sembahyang hingga dia dapat sembahyang berjemaah bersama-sama imam adalah lebih besar pahalanya daripada orang yang sembahyang di rumah selepas itu dia tidur”. (Riwayat Muslim).*



## Keterangan

Hadith di atas menjelaskan kepada kita bahawa terdapat dua golongan manusia yang memperoleh ganjaran yang besar daripada Allah SWT; Pertama, manusia yang berjalan jauh ke tempat sembahyang di mana setiap langkahnya dihitungkan sebagai ibadat dan mendapat pahala. Kedua, orang yang duduk menanti waktu sembahyang di dalam masjid kerana hendak berjemaah, bagi golongan ini para malaikat sentiasa berdoa dan meminta ampun untuk mereka dengan katanya: “*Wahai Tuhanku ampun oleh-Mu akan dia. Wahai Tuhanku berilah rahmat oleh-Mu kepada dia selama dia tiada berhadath*”.

### Berdoa Ketika Hendak Ke Masjid


عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ، كَانَ إِذَا خَرَجَ مِنْ مَنْزِلِهِ، قَالَ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَضِلَّ أَوْ  
أَزِلَّ، أَوْ أَظْلِمَ أَوْ أُظْلَمَ، أَوْ أَجْهَلَ أَوْ يُجْهَلَ عَلَيَّ. (رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهَ)

### Maksudnya :

*Ummu Salamah berkata: Adalah Rasulullah SAW apabila Baginda keluar daripada rumahnya Baginda berdoa : “Dengan nama Allah aku berserah diri kepada Allah, Ya Allah aku mohon perlindungan Engkau daripada kesesatan atau disesatkan, tergelincir atau digelincirkan, menganiaya atau dianiayakan, bodoh atau diperbodohkan terhadapku”.*

(Riwayat Ibn Majah).





## Keterangan

Mengikut hadis di atas, nyatalah kepada kita bahawa setiap permulaan kerja yang hendak dilaksanakan, sunat dimulakan dengan menyebut nama Allah SWT dan diiringi pula dengan doa sampingan bagi tujuan menambah keberkatan dalam usaha yang dikendalikan. Inilah amalan-amalan utama yang harus dikekalkan oleh setiap umat Islam untuk kesempurnaan iman dan Islamnya, di samping membiasakan diri dengan usaha-usaha *taqarrub* (mendekatkan diri kepada Allah SWT).

Dalam sebuah hadith lagi (Hadith Sahih Riwayat Muslim) menyatakan bahawa Rasulullah SAW keluar daripada rumahnya ke masjid dengan membaca doa ini:

اللَّهُمَّ اجْعَلْ فِي قَلْبِي نُورًا، وَفِي لِسَانِي نُورًا وَاجْعَلْ فِي سَمْعِي نُورًا وَفِي بَصَرِي نُورًا وَاجْعَلْ فِي خَلْفِي نُورًا وَمِنْ أَمَامِي نُورًا وَاجْعَلْ فِي فَوْقِي نُورًا وَمِنْ تَحْتِي نُورًا اللَّهُمَّ اعْطِنِي نُورًا.

### Maksudnya :

*“Ya Allah! jadikanlah nur (cahaya petunjuk supaya keyakinan, tutur kata dan amalanku sentiasa berdasarkan ajaran Islam) dalam hatiku dan nur pada lidahku dan jadikanlah juga nur pada pendengaranku, penglihatanku, nur dari belakangku dan dari hadapanku dan*

*jadikanlah juga nur dari sebelah atasku dan bawahku. Ya Allah! berikanlah kepada aku nur (yang menerangi seluruh hidupku)”.*

### **Kelebihan Pergi Ke Masjid**



عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ، لِيَقْضِيَ فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ كَانَتْ خَطْوَتَاهُ إِحْدَاهُمَا تَحُطُّ حَطِيئَتَهُ وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ دَرَجَتَهُ. (رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

### **Maksudnya :**

*Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA katanya: Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang bersuci di rumahnya (wuduk ) selepas itu dia berjalan (pergi) ke mana-mana masjid untuk menunaikan satu fardhu daripada beberapa fardhu yang difardhukan oleh Allah adalah setiap langkah oleh salah satu daripada dua kakinya menghapuskan dosa dan yang lain mengangkatkan darjatnya”. (Riwayat Muslim).*

### **Keterangan**

Islam menyediakan pelbagai cara bagi memastikan umatnya sentiasa dalam beribadat, semuanya mempunyai ganjaran pahala yang dijanjikan. Untuk melibatkan diri dalam ibadat tidaklah sukar. Cuma setiap kerja perlu diiringi dengan niat. Sekalipun ia merupakan kerja harian (kerja yang disusuli dengan niat kerana Allah SWT maka yang adat akan bertukar menjadi ibadat) sepertimana gambaran hadith di atas. Apabila seseorang telah selesai bersuci daripada segala



kekotoran sama ada hadath kecil atau besar, lalu berjalan menuju ke rumah Allah SWT dengan tujuan menunaikan kewajipan sebagai seorang hamba, nescaya setiap langkahnya akan dihitung sehingga dapat menghapuskan noda dan dosa juga supaya dapat meninggikan darjat seseorang itu.

### **Memberi Salam Dan Berdoa Ketika Melangkah Masuk Ke Masjid**

عَنْ عَبْدِ الْمَالِكِ بْنِ سَعِيدٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا حُمَيْدٍ وَأَبَا أُسَيْدٍ يَقُولَانِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ الْمَسْجِدَ فَلْيُقِمْ لِلَّهِمَّ افْتِخَ لِي أَبْوَابِ رَحْمَتِكَ وَإِذَا خَرَجَ فَلْيُقِمْ لِلَّهِمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ.

(رَوَاهُ النَّسَائِيُّ)

#### **Maksudnya :**

*Apabila kamu masuk masjid, maka ucapkanlah اللَّهُمَّ افْتِخْ لِي أَبْوَابِ رَحْمَتِكَ “Wahai Allah, bukalah bagi kamu semua pintu rahmat-Mu” dan apabila keluar, ucapkanlah اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ “Wahai Allah, aku mohon kurnia-Mu”.* (Riwayat an-Nasa'i).

#### **Keterangan**

Memberi penghormatan kepada tuan rumah dan orang yang berada di dalamnya adalah dituntut.

Firman Allah SWT:

..فَإِذَا دَخَلْتُمْ بُيُوتًا فَسَلِّمُوا عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ تَحِيَّةً مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُبْرَكَةً طَيِّبَةً ۗ (النور: ٦١)

**Maksudnya :**

*“...Maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah, hendaklah kamu memberi salam kepada (sesiapa yang seperti) kamu dengan cara memohon kepada Allah hidup yang berkat lagi baik...”*

(an-Nur : 61).

Sebagai rumah Allah, penghormatan kepadanya amatlah dituntut. Mengikut ayat di atas, rumah itu termasuklah juga masjid. Jadi, apabila kita melangkah memasuki masjid wajarlah memberi salam sebagai penghormatan kepadanya dan memohon kesejahteraan bagi penghuninya ketika itu. Penghormatan yang layak ialah dengan mengucapkan salam seperti salam yang biasa diucapkan atau dengan lafaz:

السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ

**Berdoa Ketika Hendak Masuk Dan Keluar Masjid**

عَنْ فَاطِمَةَ الزَّهْرَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا دَخَلَ الْمَسْجِدَ قَالَ بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ وَإِذَا خَرَجَ قَالَ:

بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ فَضْلِكَ (رَوَاهُ إِمَامُ أَحْمَدُ)

### **Maksudnya :**

*Diriwayatkan daripada Fatimah az-Zahra' RA katanya: Adalah Rasulullah SAW apabila Baginda masuk ke dalam masjid Baginda berdoa:*

*Ya Allah! Ampunilah dosaku dan bukalah kepadaku semua pintu rahmat Engkau". Dan apabila Baginda keluar, Baginda berdoa*

بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ فَضْلِكَ

*yang bermaksud: Dengan nama Allah dan kesejahteraan itu adalah ke atas Rasulullah SAW, Wahai Tuhanku! Ampunilah dosaku dan bukakanlah semua pintu kurniaan-Mu". (Riwayat Imam Ahmad).*

### **Keterangan**

Amat wajar dicontohi perbuatan atau kelakuan yang menjadi amalan Rasulullah SAW ketika masuk dan keluar masjid, iaitu ketika masuk masjid disunatkan mendahului kaki kanan manakala melangkah keluar disunatkan dengan mendahului langkah kaki kiri diiringi dengan bacaannya, sebagaimana hadith di atas.



## Doa Ketika Masuk Ke Masjid

بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

### Maksudnya :

*“Dengan nama Allah dan kesejahteraan itu adalah ke atas Rasulullah SAW, Ya Allah! Ampunilah dosaku dan bukalah semua pintu rahmat-Mu”.*

## Doa Ketika Keluar Masjid

بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ فَضْلِكَ


### Maksudnya :

*“Dengan nama Allah dan kesejahteraan itu adalah ke atas Rasulullah SAW, Ya Allah! Ampunilah dosaku dan bukalah semua pintu kurniaan-Mu”.*

## Memelihara Masjid

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِنَاءِ الْمَسَاجِدِ فِي الدُّورِ وَأَنْ تُنْظَفَ وَتُطَيَّبَ

(رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ)





### **Maksudnya :**

*Diriwayatkan daripada Aisyah RA katanya : “Rasulullah SAW telah menyuruh membangunkan masjid-masjid di rumah-rumah yang banyak (kampung) dan hendaklah dibersihkan serta mengharumkannya”. (Riwayat at-Tirmidzi)*

### **Keterangan**

Masjid satu-satunya institusi ibadat yang menjadi tumpuan kaum Muslimin dan Muslimat. Oleh itu, ia perlu terletak di tempat yang mudah dikunjungi. Sewajarnya, ia dipelihara dan dijaga daripada sebarang kekotoran dan pencemaran di dalam mahupun di luar masjid. Oleh sebab masjid merupakan hak orang Islam maka menjadi kewajipan setiap umat Muslimin menjaga dan memeliharanya dengan baik.





## BAHAGIAN 2



# SEMASA BERADA DI DALAM MASJID DAN FADHILATNYA

Muka Surat

Mendapatkan Tempat Di Dalam Masjid	15
Sembahyang Sunat <i>Tahiyatul Masjid</i>	17
Berniat <i>Iktikaf</i>	19
Perbuatan Yang Menghapuskan Dosa Setiap Hari Jumaat	20
Berzikir Di Dalam Masjid	21
Tingkat Pahala Kehadiran Di Masjid Pada Hari Jumaat	23
Kelebihan Berada Di Dalam Masjid	24
Menghidupkan Masjid Dengan Majlis-Majlis Ilmu	26





## Mendapatkan Tempat Di Dalam Masjid

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : لَا يَتَّبِعُ أَحَدُكُمْ آخَاهُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ ثُمَّ يُخَالِفُهُ إِلَى مَقْعَدِهِ، وَلَكِنْ لِيَتَّقِلْ أَفْسَحُوا. (رَوَاهُ إِمَامُ أَحْمَدُ)

### Maksudnya :

Diriwayatkan daripada Jabir RA katanya: “Rasulullah SAW bersabda: “Janganlah seseorang kamu menyuruh berdiri atau bangun seseorang saudaranya (yang telah duduk di satu tempat) pada hari Jumaat di dalam masjid kemudian dia duduk di tempat itu. Tetapi hendaklah diminta supaya dilapangkan sahaja tempat itu”. (Riwayat Imam Ahmad).

### Keterangan

Suatu perkara yang perlu diberi perhatian, iaitu tidak sama sekali melakukan perkara-perkara yang boleh menyakiti para jemaah yang lain untuk mendapatkan saf. Sebaik-baiknya mintalah ruang daripada mereka yang berada di kiri atau di kanan supaya dilapangkan sekadar yang berpatutan.

Manakala, cara mendapatkan tempat duduk di dalam masjid yang dianjurkan oleh Islam ialah dengan menduduki saf yang pertama di sebelah kanan, jika tidak berkesempatan maka duduk dalam

mana-mana saf yang berikutnya. Sebagai kesempurnaan sembahyang, seseorang itu hendaklah berada dalam saf yang betul.

Kelebihan menduduki saf pertama di sebelah kanan serta fadhilat meluruskan saf jelas dinyatakan menerusi sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang tersebut.

عَنْ أَنَسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: اتَّبِعُوا الصَّفَّ الْأَوَّلَ، ثُمَّ الَّذِي يَلِيهِ فَإِنْ كَانَ نَقْصًا فَلْيَكُنْ فِي الصَّفِّ  
الْمُؤَخَّرِ. (رَوَاهُ إِمَامُ أَحْمَدُ)

#### **Maksudnya :**

*Diriwayatkan daripada Anas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Hendaklah kamu penuhkan saf yang pertama. Kemudian saf yang berikutnya, jika kurang maka hendaklah kamu penuhkan pada saf yang akhir (berikutnya)”.*(Riwayat Imam Ahmad).

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى مَيَامِنِ الصُّفُوفِ.  
(رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ)

#### **Maksudnya :**

*Diriwayatkan daripada Aisyah RA katanya: Rasulullah SAW bersabda: “Bahawa Allah SWT dan para Malaikat mendoakan mereka yang sembahyang di pihak saf yang kanan”.* (Riwayat Abu Daud).

عَنْ أَنَسٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : سَوُّوا صُفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيفَهُ الصِّفِّ مِنْ تَمَامِ الصَّلَاةِ.

(رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ)

**Maksudnya :**

Diriwayatkan daripada Anas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Betulkan barisan kamu, sesungguhnya barisan yang betul itu salah satu daripada tanda kesempurnaan sembahyang”. (Riwayat Abu Daud).

**Sembahyang Sunat Tahiyatul Masjid**

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ الْمَسْجِدَ فَلْيَرْكَعْ رَكَعَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يَجْلِسَ

(رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ)

**Maksudnya :**

Diriwayatkan daripada Abu Qatadah RA bahawa Nabi SAW bersabda: “Apabila seseorang kamu masuk ke dalam masjid maka hendaklah sembahyang dua rakaat sebelum duduk”. (Riwayat Bukhari).



## Keterangan

Islam mendorong umatnya agar memberi penghormatan kepada masjid. Pengajaran ini diberikan sejak dari mula melangkah kaki ke masjid sehinggalah ketika berada di dalamnya.

Penghormatan pertama yang perlu diberikan ialah dengan melakukan sembahyang *Tahiyatul Masjid* sekadar dua rakaat sebelum duduk. Sembahyang *Tahiyatul Masjid* boleh dilakukan pada bila-bila masa ketika masuk ke dalam masjid, kecuali jika terdapat para jemaah sedang melakukan sembahyang berjemaah. Maka lebih afdhalnya ialah turut sama di dalam jemaah tersebut. Difahamkan daripada hadith tersebut adalah makruh bagi mereka yang masuk ke dalam masjid terus duduk tanpa menunaikan sembahyang *Tahiyatul Masjid*.

Walaupun begitu, sekiranya dia tidak mahu mendirikannya disebabkan berhadath, sibuk atau sebagainya, disunatkan kepadanya untuk membaca zikir ini sebanyak empat kali, iaitu:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Zikir ini adalah menyamai dengan fadhilat sembahyang dua rakaat *Tahiyatul Masjid*.



## Berniat *Iktikaf*

Hukum *beriktikaf* di dalam masjid ialah sunat mu'akkad (dikalakkan). Pada setiap waktu dan lebih afdhal lagi pada sepuluh hari yang terakhir dari bulan Ramadhan untuk menunggu malam “Lailatul Qadar”.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ كَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَغْتَكِفَ صَلَّى الْفَجْرَ ثُمَّ دَخَلَ مُغْتَكِفَهُ

(رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ)

### Maksudnya :

*Daripada Aisyah RA katanya, biasanya Nabi SAW apabila hendak beriktikaf, Baginda sembahyang subuh (pada waktu fajar) kemudian Baginda masuk beriktikaf di tempatnya (yang khas di masjid). (Riwayat Bukhari dan Muslim).*

### Keterangan

*Iktikaf* ialah duduk di masjid dalam suatu masa yang tertentu untuk mengerjakan amal ibadat. Menerusi niat *iktikaf*, seseorang itu dapat mengawal dirinya daripada melakukan sesuatu yang kurang baik di dalam masjid kerana semasa *iktikaf* ini dia mengerjakan sembahyang sunat, membaca al-Qur'an, berzikir, berdoa, berselawat ke

atas Nabi SAW dan lain-lain ibadat dengan tujuan mendapat ketenangan hati dan berbakti kepada Allah SWT.

Cara beriktikaf ialah dengan niat: “*Sahaja aku mengerjakan sunat iktikaf di masjid ini kerana Allah Taala*”. Lafaz dalam bahasa Arab, iaitu:

تَوَيْتُ سُنَّةَ الْأَيْتِكَافِ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ لِلَّهِ تَعَالَى



Untuk menyempurnakan *iktikaf* ini hendaklah dia berhenti di masjid itu sama ada sebentar atau lama.

### **Perbuatan Yang Menghapuskan Dosa Setiap Hari Jumaat**

عَنْ أَبِي أَيُّوبَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَقُولُ: مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَمَسَّ مِنْ طَيْبٍ إِنْ كَانَ عِنْدَهُ، وَلَبَسَ مِنْ أَحْسَنِ ثِيَابِهِ، ثُمَّ خَرَجَ حَتَّى يَأْتِيَ الْمَسْجِدَ فَيَرْكَعُ إِنْ بَدَأَهُ وَلَمْ يُؤْذِ أَحَدًا، ثُمَّ أَنْصَتَ إِذَا خَرَجَ إِمَامُهُ حَتَّى يُصَلِّيَ كَانَتْ كَفَّارَةً لِمَا بَيْنَهَا وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ الْأُخْرَى (رَوَاهُ إِمَامُ أَحْمَدُ)

### **Maksudnya :**

*Diriwayatkan daripada Abu Ayub RA: Aku dengar Nabi SAW bersabda: Mereka yang mandi pada Hari Jumaat dan memakai sedikit bau-bauan jika memilikinya dan memakai pakaian yang sebaik-baiknya. Kemudian dia keluar sehingga sampai ke masjid*



*lalu dia mengerjakan sembahyang sekadar keupayaannya tanpa menyakiti orang lain, kemudian dia diam apabila imam membaca khutbah hinggalah sembahyang, dihapuskan dosa di antara satu Jumaat (ini) dan Jumaat yang akan datang (yang lain)''.*

(Riwayat Imam Ahmad).

### **Keterangan**

Kebersihan adalah perkara yang dipentingkan oleh Islam dan dalam semua aspek kehidupan, lebih-lebih lagi ketika mengerjakan ibadat.

Adapun amalan-amalan mulia lain ialah seperti sembahyang *Tahiyatul Masjid*, situasi tenang, tidak menyakiti orang lain serta memberi perhatian penuh khusyuk terhadap imam yang menyampaikan khutbah di samping memahami setiap nasihat yang diberikan oleh pembaca khutbah (khatib).

Amalan yang dikerjakan setiap masa akan mendapat ganjaran baik daripada Allah SWT. Ia menjadi penebus dosa sepanjang hayat dari Jumaat itu hingga Jumaat yang satu lagi.

### **Berzikir Di Dalam Masjid**

في بيوتٍ أذن الله أن ترفع ويذكر فيها اسمه يسبح له فيها بالغدو والآصال (النور : ٣٦)



## **Maksudnya :**

*(Nur hidayah Allah itu bersinar-sinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang. (an-Nur : 36).*

## **Keterangan**

Disunatkan memperbanyakkan sebutan nama Allah SWT dan bertasbih, bertahlil, bertahmid, bertakbir dan lain-lain daripada bentuk zikir disunatkan juga membaca (belajar atau mengajar) al-Qur'an, hadith-hadith, ilmu feqah dan ilmu syariah.

Zikir merupakan amalan yang boleh membantu umat Islam membersihkan jiwa. Di akhirat, ganjarannya dijanjikan Allah SWT, manakala di dunia pula zikir adalah benteng mengawal daripada segala bencana dan malapetaka sepanjang hari.

Oleh itu zikir perlu dilakukan dengan penuh rasa *ta'abbudiah* (pengabdian semata-mata kerana Allah SWT). Alangkah baiknya amalan zikir itu dilakukan di masjid, jika tujuan membersihkan jiwa dan memakmurkan masjid.

## Tingkat Pahala Kehadiran Di Masjid Pada Hari Jumaat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ غُسْلَ الْجَنَابَةِ ثُمَّ رَاحَ فَكَانَتْ قَرَبٌ بَدَنَهُ وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ فَكَانَتْ قَرَبٌ بَقَرَةٌ وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّلَاثَةِ فَكَانَتْ قَرَبٌ كَبْشًا وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الرَّابِعَةِ فَكَانَتْ قَرَبٌ دَجَاجَةً وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ فَكَانَتْ قَرَبٌ بَيْضَةً فَإِذَا خَرَجَ الْإِمَامُ حَضَرَتِ الْمَلَائِكَةُ يَسْتَمِعُونَ الذِّكْرَ رَوَاهُ النَّسَائِيُّ

### Maksudnya :

*Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa mandi pada hari Jumaat sebagaimana mandi hadas besar kemudian keluar ke masjid (awal waktu) seolah-olah dia berkorban seekor unta, dan sesiapa yang datang pada waktu kedua seolah-olah dia berkorban seekor lembu, dan sesiapa yang datang pada waktu ketiga seolah-olah dia berkorban seekor kibas yang bertanduk, sesiapa yang datang pada waktu keempat seolah-olah dia berkorban seekor ayam, dan sesiapa yang datang pada waktu kelima seolah-olah dia berkorban sebutir telur. Ketika imam keluar (menuju mimbar), maka para malaikat turut sama datang untuk mendengar khutbah". (Riwayat an-Nasa'i).*



## Keterangan

Sungguhpun umat Islam yang berjemaah pada hari Jumaat berada di bawah satu bumbung masjid yang sama, tetapi tingkat pahala yang diperoleh antara seorang individu dengan individu yang lain adalah berbeza.

Sehubungan dengan hadith ini, kehadiran awal ke masjid akan dikurniakan ganjaran yang amat besar, berbanding yang datang lewat. Kehadiran mereka dicatat oleh para malaikat yang utama diutamakan.

Oleh itu haruslah diingat bahawa amalan yang biasa dilakukan oleh bahagian umat Islam yang gemar datang ke masjid pada hari Jumaat di saat bilal melaungkan azan tidaklah sepatutnya dijadikan amalan. Usahakan supaya tergolong dalam kalangan orang yang pertama menjejakkan kaki ke dalam masjid pada hari Jumaat.

## Kelebihan Berada Di Dalam Masjid

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : لَا يَزَالُ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاةٍ مَا دَامَ يَنْتَظِرُهَا وَلَا تَزَالُ الْمَلَائِكَةُ تُصَلِّي عَلَى أَحَدِكُمْ مَا دَامَ فِي الْمَسْجِدِ . اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ مَا لَمْ يُحْدِثْ (رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ)



## **Maksudnya :**

*Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA katanya: “Rasulullah SAW bersabda: “Sentiasa seorang kamu dalam keadaan sembahyang selama menunggunya (sembahyang) dan sentiasa malaikat mengucapkan selawat (berdoa) kepada seseorang kamu selama berada di dalam masjid, ‘Wahai Tuhanku! Ampunkanlah oleh-Mu baginya, Wahai Tuhanku! Berilah rahmat oleh-Mu kepadanya, selama dia tidak berhadath’”. (Riwayat at-Tirmidzi).*

## **Keterangan**

Wuduk merupakan senjata orang Mukmin yang boleh menghalang dirinya daripada melakukan sesuatu yang tidak diinginkan. Oleh itu Mukmin yang sentiasa berwuduk bererti dirinya sentiasa dalam kebersihan. Orang seperti ini amat digemari oleh para malaikat yang sentiasa memohon agar Allah SWT memberi keampunan baginya. Sebab itulah dalam hadith, mereka yang berwuduk dan berada di dalam masjid dikira sentiasa dalam ibadat sembahyang. Di samping itu, para malaikat memohon kepada Allah SWT agar memberi keampunan serta rahmat-Nya kepada golongan Mukmin tersebut.




## Menghidupkan Masjid Dengan Majelis-Majlis Ilmu

Masjid bukanlah sekadar menjadi tempat bersembahyang, malah hendaklah dihidupkan dengan mengadakan majlis-majlis ilmu seperti ceramah, membaca al-Qur'an dan lain-lain ibadah.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : ... وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ، يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا وَتَرَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَعَشِيَتْهُمْ الرَّحْمَةُ، وَحَقَّتْهُمْ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ (رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

### Maksudnya :



*Daripada Abu Hurairah RA katanya: Rasulullah SAW bersabda: "... dan tidak berhimpun sesuatu kaum dalam salah sebuah rumah (masjid atau surau) dari rumah-rumah Allah, sedang mereka membaca al-Qur'an serta mereka mempelajari kandungan isinya. Melainkan turun kepada mereka ketenangan, dan mereka diliputi oleh limpahan rahmat, dan dilindungi oleh para malaikat serta mereka dipuji oleh Allah dalam kalangan para (malaikat) yang ada di sisinya...". (Riwayat Muslim).*



## **Keterangan**

Ketenangan dan ketenteraman dalam masjid patut dipelihara. Untuk mencapai tujuan ini, beberapa kegiatan atau perbuatan yang mengancam ketenangan masjid adalah ditegah.

Duduk atau singgah di masjid semata-mata tanpa melakukan ibadatan memudahkan seseorang melanggar tegahan dan adab di dalam masjid. Untuk mengisi masa supaya setiap ahli jemaah menghormati masjid, adalah digalakkan meniatkan *iktikaf* dan melakukan ibadat seperti membaca al-Qur'an, berzikir, mendengar ceramah, pengajaran agama yang disampaikan dan segala acara yang diadakan di situ. Melibatkan diri kepada perkara-perkara sedemikian dapat mendisiplinkan diri kita dan menambahkan pahala dengan amalan-amalan soleh yang dikerjakan.





# BAHAGIAN 3



## KELAKUAN YANG DITEGAH

Muka Surat

Ditegah Meludah Di Dalam Masjid	29
Ditegah Keluar Masjid Sesudah Azan	30
Larangan Hadir Ke Masjid Bagi Yang Memakan Atau Meminum Perkara Yang Busuk	31
Larangan Melintas Di Hadapan Orang Yang Bersembahyang	32
Makruh Mematahkan Jari	33
Bertanya Di Dalam Masjid	34
Meninggikan Suara	35
Berpindah Tempat	36
Berjual Beli Di Masjid	37
Tidur Di Dalam Masjid	38
Bercakap-cakap Di Dalam Masjid	39
Bercakap-cakap Di Dalam Masjid Ketika Imam Berkhutbah	40
Makan Di Dalam Masjid	41
Membawa Kanak-Kanak Dan Membenarkan Orang Gila Masuk Ke Dalam Masjid	42
Meminta Dan Memungut Derma/ Sedekah Di Dalam Masjid	44
Membuang Najis Di Dalam Masjid	44

## Ditegah Meludah Di Dalam Masjid

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ رَأَى نُحَامَةً فِي قِبْلَةِ الْمَسْجِدِ، فَحَكَّمَهَا بِحِصَاةٍ، ثُمَّ نَهَى أَنْ يَبْرُقَ الرَّجُلُ عَنْ يَمِينِهِ أَوْ أَمَامِهِ، وَلَكِنْ يَبْرُقُ عَنْ بَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمِهِ الْيُسْرَى (رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

### Maksudnya :

*Diriwayatkan daripada Abu Said al-Khudri, bahawa sesungguhnya Nabi SAW melihat kahak pada arah kiblat, maka Rasulullah SAW mengikis dengan batu kerikil, selepas itu Baginda melarang seseorang itu meludah ke arah kiri atau hadapan, tetapi hendaklah meludah ke arah kanan atau di bawah tapak kaki yang kiri. (Riwayat Muslim).*

### Keterangan

Pada hakikatnya masjid perlu dijaga daripada sebarang pencemaran sama ada daripada najis atau benda-benda yang keji sekalipun tidak najis, benda-benda itu perlu dihilangkan dengan pelbagai cara sekalipun.

Amalan meludah ini sebagaimana terdapat menerusi hadith yang diriwayatkan daripada Anas RA bermaksud bahawa Rasulullah SAW menyifatkannya sebagai suatu kesalahan dan dikenakan kifarfat kepada yang meludah di dalam masjid. Kifaratnya ialah dengan menanam semula ludahnya itu atau ditimbus dengan tanah.

## Ditegah Keluar Masjid Sesudah Azan

عَنْ أَبِي الشَّعَثَاءِ، قَالَ: كُنَّا مَعَ أَبِي هُرَيْرَةَ فِي الْمَسْجِدِ فَخَرَجَ رَجُلٌ جِئْنَا أَذَّنَ الْمُؤَدِّنَ لِلْعَصْرِ، فَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: أَمَا هَذَا فَقَدْ عَصَى أَبَا الْقَاسِمِ ﷺ (رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ)

### Maksudnya :

*Daripada Abi Sya'tha': "Kami bersama-sama Abu Hurairah di masjid, tiba-tiba keluar seorang lelaki ketika bilal melaungkan azan solat Asar. Abu Hurairah berkata: Ingatlah perbuatan begini sesungguhnya menderhaka kepada Rasulullah SAW". (Riwayat Abu Daud).*

### Keterangan

**Azan** : Selain daripada ianya sebagai seruan (panggilan) menandakan masuk waktu sembahyangatau memperingati kepada kaum Muslimin supaya mengerjakan sembahyang maka ia juga sebagai menghalau syaitan dan iblis. Sebab itulah syaitan apabila mendengar azan mereka bertempiran lari.

Oleh itu kaum Muslimin ditegah berkelakuan seperti syaitan, malah apabila mendengar bunyi seruan azan maka hendaklah dia menjawab azan tersebut, di samping mendekati tempat-tempat untuk menunaikan ibadat.

## Larangan Hadir Ke Masjid Bagi Yang Memakan Atau Meminum Perkara Yang Busuk

عَنْ جَابِرٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَنْ أَكَلَ مِنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ قَالَ أَوَّلَ يَوْمِ الثُّومِ ثُمَّ قَالَ الثُّومِ  
وَالْبَصَلِ وَالْكُرْثِ فَلَا يَغْرُبْنَا فِي مَسَاجِدِنَا فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ تَتَأَذَى مِمَّا يَتَأَذَى مِنْهُ الْأَنْسُ (رَوَاهُ  
النَّسَائُ)

### Maksudnya :

*Diriwayatkan daripada Jabir RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang makan daripada pohon ini, pada awalnya dikatakan bawang putih, kemudian dikatakan bawang putih, bawang merah dan kucai maka janganlah menghampiri masjid kami (hadir ke masjid), maka sesungguhnya malaikat terganggu daripada yang mengganggu manusia”.* (Riwayat an-Nasa'i).

### Keterangan

Kawasan masjid, sama ada di dalam mahupun di luar perlulah dipastikan kebersihannya. Kebersihan daripada najis mahupun daripada benda-benda yang keji dan bau-bauan yang tidak menyenangkan. Para jemaah hendaklah menghindarkan punca bau yang boleh mengganggu para jemaah lain.

Oleh itu, dalam hal ini bagi memastikan masjid tidak dicemari dengan bau-bauan (busuk) maka setiap para jemaah ditegah

menghampiri masjid sedangkan badannya atau mulutnya berbau busuk, sama ada bau itu lahir daripada hasil makanan atau lainnya kecuali telah dibersihkan.

Tegahan tersebut dibuat bagi memastikan para jemaah lain tidak diganggu di saat bermunajat kepada Allah SWT. Begitu juga dengan para malaikat, turut terganggu dengan bau tersebut.

### **Larangan Melintas Di Hadapan Orang Bersembahyang**

عن أَبِي سَعِيدٍ قَالَ : سَمِعْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَقُولُ : إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنَ النَّاسِ فَزَادَ أَحَدٌ أَنْ يَجْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلْيُدْفَعْهُ، فَإِنْ أَبَى فَلْيَقَاتِلْهُ فَإِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ

(رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ)

### **Maksudnya:**

*Diriwayatkan daripada Abu Said, katanya: Aku mendengar Nabi SAW bersabda: “Apabila salah seorang daripada kamu sembahyang di suatu tempat yang ada tutupan (terlindung) daripada lintasan manusia, jika ada seseorang hendak lalu (melintas) di hadapan maka hendaklah engkau menolaknya (dengan tangan), jika orang itu enggan (membantah) maka hendaklah engkau tolak (dengan tolakan yang kuat), maka sesungguhnya dia adalah syaitan,” (Riwayat Bukhari).*



## Keterangan



Bersopan santun dan berbudi bahasa merupakan perhiasan diri yang abadi dan paling istimewa. Islam mensyariatkan umatnya agar berkelakuan dan berakhlak yang baik, lebih-lebih lagi dalam hal menghormati orang yang sedang mengerjakan ibadat.



Seseorang itu ditegah sama sekali melintas atau lalu-lalang di hadapan orang yang sedang mengerjakan sembahyang. Orang yang lalu lalang dan sengaja melintas di hadapan orang sembahyang sedangkan ada jalan lain, digambarkan oleh Rasulullah SAW sebagai syaitan dan boleh dibunuh (ditolak dengan kuat).

Bagi yang mengerjakan sembahyang pula seboleh-bolehnya carilah tempat yang terlindung supaya dapat menghindari manusia daripada melintasi tempat tersebut. Walau bagaimanapun jika dapat ditegah dan juga diberi peringatan bahawa tempat yang dilalui itu merupakan tempat orang yang sedang mengerjakan sembahyang maka, hendaklah dihormati.

## Makruh Mematahkan Jari

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ : إِذَا كَانَ أَحَدُكُمْ فِي الْمَسْجِدِ فَلَا يُشَبِّكَنَّ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مِنَ الشَّيْطَانِ ، وَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَا يَزَالُ فِي صَلَاةٍ مَا دَامَ فِي الْمَسْجِدِ حَتَّى يَخْرُجَ مِنْهُ

(رَوَاهُ إِمَامُ أَحْمَدُ)





## **Maksudnya :**

*Daripada Abu Said, bahawa Nabi SAW bersabda: “Apabila salah seorang daripada kamu berada di dalam masjid maka janganlah kamu mematahkan (memancarkan) anak-anak jari, maka sesungguhnya mempersilangkan anak jari itu adalah daripada perbuatan syaitan dan hendaklah seseorang kamu sentiasa berada dalam keadaan sembahyang (berwuduk) selama berada di dalam masjid hingga dia keluar daripadanya.” (Riwayat Imam Ahmad).*



## **Keterangan**



Setiap tingkah laku kita hendaklah berlandaskan peraturan. Islam mengajar kita hidup berperaturan sama ada sewaktu makan, berjalan dan sebagainya, lebih-lebih lagi dalam hal ibadat.

Oleh kerana duduk dengan mempersilangkan jari itu merupakan amalan syaitan; Rasulullah SAW melarang kita bertingkah laku sedemikian.

## **Bertanya Di Dalam Masjid**

Sebagaimana terdapat dalam Kitab Fiqh al-Sunnah; Shaikhul Islam Ibnu Taimiyah berkata: *“Pada dasarnya bertanya sesuatu di dalam masjid, dilarang atau haram. Tetapi diharuskan; ketika darurat, bertanya di waktu terpaksa, tanpa mengganggu orang lain (seseorang) seperti melangkah bahu orang yang sedang duduk, tidak berdusta*





*mengenai sesuatu yang dikemukakan, serta tidak pula menyaringkan suara hingga boleh menyebabkan orang lain terganggu seperti bertanya ketika khatib membaca khutbah atau makmum (mereka) sedang mendengar khutbah.”*

### **Meninggikan Suara**

صَوْتِكَ فَقَالَ إِنِّي أَسْمَعُ مَنْ نَاجَيْتُ قَالَ ارْزُقْ قَلِيلًا وَقَالَ لِعُمَرَ مَرَرْتُ بِكَ وَأَنْتَ تَقْرَأُ وَأَنْتَ تَرَفَعُ صَوْتَكَ قَالَ إِنِّي أَوْقِظُ الْوَسْطَانَ وَأَطْرُدُ الشَّيْطَانَ قَالَ اخْفِضْ قَلِيلًا (رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ)

### **Maksudnya :**

*Daripada Abu Qatadah, bahawa Nabi SAW bersabda kepada Abu Bakar RA: “Aku lalu ketika kamu sedang membaca ayat kemudian kamu merendahkan suaramu. Abu Bakar RA menjawab, sesungguhnya aku sedang memperdengarkan kepada zat yang aku bermunajat kepadanya. Nabi SAW bersabda: Kuatkan sedikit suaramu. Nabi SAW berkata kepada Umar RA: Aku lalu ketika kamu sedang membaca ayat kemudian kamu meninggikan suaramu. Umar menjawab, sesungguhnya aku sedang membangunkan orang yang tertidur dan mengusir syaitan. Kemudian Nabi SAW bersabda: Rendahkan sedikit suaramu.” (Riwayat at-Tirmidzi).*



## Keterangan

Dilarang meninggikan suara sehingga boleh menyebabkan orang yang sedang bersembahyang turut terganggu. Jika terdapat orang yang sedang bersembahyang maka janganlah sekali-kali meninggikan suara sekalipun membaca al-Qur'an (kecuali belajar ilmu) kerana dengan tingginya suara itu boleh menjadikan orang yang sedang bersembahyang itu tidak khusyuk. Islam mengajar kita menjaga kepentingan orang lain.

## Berpindah Tempat



عَنْ إِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِذَا نَعَسَ أَحَدُكُمْ فِي مَجْلِسِهِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَلْيَتَحَوَّلْ إِلَى غَيْرِهِ (رَوَاهُ إِمَامُ أَحْمَدُ)



## Maksudnya :

*Diriwayatkan daripada Ibnu Umar (Abdullah) RA katanya: Rasulullah SAW bersabda: “Apabila seseorang kamu mengantuk pada hari Jumaat di tempat duduknya (di masjid) maka hendaklah dia berpindah ke tempat yang lainnya.” (Riwayat Imam Ahmad).*

## Keterangan

Mengantuk, sama ada disebabkan lama tinggal di dalam masjid atau mendengar khutbah, maka ianya merupakan hasutan syaitan. Cara yang paling baik supaya tidak sampai ke peringkat lena dibuai oleh syaitan ialah dengan berpindah ke tempat lain. Menerusi perpindahan itu





menggerakkan tenaga, mencergaskan badan, mencerahkan mata dan menggagalkan tugas syaitan untuk melelapkan mata, melalaikan daripada berzikir dan mendengar serta memahami khutbah.

### **Berjual Beli Di Masjid**

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: إِذَا رَأَيْتُمْ مَنْ يَبِيعُ أَوْ يَبْتَاعُ فِي الْمَسْجِدِ فَقُولُوا: لَا أَرْبَحَ  
اللَّهُ تِجَارَتَكَ، وَإِذَا رَأَيْتُمْ مَنْ يَنْشُدُ فِيهِ صَلَاةً فَقُولُوا: لَا رَدَّ اللَّهُ عَلَيْكَ



(رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ)

### **Maksudnya :**

*Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Apabila kamu melihat orang berjual beli (berniaga) dalam masjid maka hendaklah kamu katakan, Allah tidak memberi keuntungan kepada perniagaan engkau. Dan apabila kamu melihat mereka yang mencari sesuatu benda yang hilang di dalam masjid maka hendaklah engkau katakan Allah tidak akan memulangkan kembali kepada engkau.” (Riwayat at-Tirmidzi).*

### **Keterangan**

Fungsi masjid bukanlah tempat berniaga seperti pasar, malah ia adalah sebuah institusi ibadat dalam Islam. Oleh itu, hanya segala bentuk



yang bercorak ibadat, mendekati diri seseorang kepada Allah SWT boleh dilakukan di masjid.

Dalam Islam sungguhpun perniagaan boleh dilakukan di mana-mana, tetapi Islam mengecualikan perniagaan di dalam masjid sekalipun mungkin terdapat orang menjalankan perniagaan maka hendaklah diingatkan perniagaannya tidak menghasilkan keuntungan.

Bagi menjaga ketertiban, dilarang meminta-minta di dalam masjid atau menjual al-Qur'an majalah-majalah, buku-buku atau lain-lain kerana perbuatan tersebut mengganggu orang yang sedang beriktikaf.

### **Tidur Di Dalam Masjid**

Tidak di dalam Masjid adalah harus.

عَنْ إِبْنِ عُمَرَ أَنَّهُ كَانَ يَتَأَمُّ وَهُوَ شَابٌّ عَزْبٌ لَا أَهْلَ لَهُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فِي مَسْجِدِ النَّبِيِّ  
(رَوَاهُ النَّسَائِيُّ)

### **Maksudnya :**

*Daripada Abdullah Ibn Umar sesungguhnya beliau telah tidur di masjid dan pada waktu itu beliau masih remaja, bujang dan belum mempunyai keluarga pada zaman Rasulullah SAW. (Riwayat an-Nasa'i).*



## Keterangan

Mengenai tidur di dalam masjid sebagaimana yang digambarkan dalam hadith di atas adalah harus. Walaupun begitu janganlah mengganggu ahli jemaah yang lain. Sekiranya mengganggu disebabkan perbuatannya itu seperti dengkurnya yang kuat, adalah makruh.

## Bercakap-cakap Di Dalam Masjid

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمٍ، قَالَ: كَانَ أَحَدُنَا يُكَلِّمُ الرَّجُلَ إِلَى جَنْبِهِ فِي الصَّلَاةِ، فَتَرَلَّتْ (وَقَوْمُوا لِلَّهِ قَائِمِينَ)  
فَأَمَرْنَا بِالسُّكُوتِ وَمَهَيْتَا عَنِ الْكَلَامِ (رَوَاهُ النَّسَائِيُّ)

## Maksudnya :

*Daripada Zaid bin Arqam berkata: "Kami bercakap-cakap di belakang Rasulullah SAW ketika solat. Seorang daripada kami berkata dengan rakan yang ada di sebelahnya sehingga turun ayat ("Dan berdirilah untuk Allah dalam solatmu dengan khusyuk"). Lalu kami diperintahkan untuk diam dan dilarang untuk bercakap-cakap (dalam solat)."*

(Riwayat an-Nasa'i).



## Keterangan

Masjid sebagai tempat untuk mendampirkan diri kepada Allah

(تقرب الى الله) Tidaklah patut, bahkan haram bercakap perkara-perkara yang tidak dihalalkan seperti bercerita hal-hal orang lain di dalam masjid. Ini merupakan hal-hal keduniaan yang ditegah. Bagi perkara-perkara yang harus, tidaklah makruh kecuali jika mengganggu para jemaah lain. Adab begini adalah untuk menghormati masjid dan menenangkan suasana di dalam masjid.

## Bercakap-cakap Di Dalam Masjid Ketika Imam Berkhutbah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ أَنْصِتْ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَقَدْ لَعَوْتَ

(رَوَاهُ الدَّارِمِيُّ)

## Maksudnya :

*Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda: “Apabila engkau berkata kepada sahabat engkau diam, padahal imam sedang membaca khutbah, maka sesungguhnya sia-sialah pahala Jumaat.”*(Riwayat ad-Darimi).



## Keterangan

Apabila imam naik ke atas mimbar kerana berkhotbah, janganlah seseorang daripada kamu bermain-main atau berkata-kata walaupun cuma diisyaratkan dengan tangan atau dengan kepala kerana dengan perbuatan itu mengurangkan pahala Jumaat/jemaah sebaliknya hendaklah kamu diam dan mendengar apa-apa ajaran khatib semoga kamu beroleh kebahagiaan dunia dan akhirat.

Bagi mereka yang didapati berbual-bual ketika imam menyampaikan khutbah sungguhpun sembahyang Jumaatnya sah tetapi ganjaran pahala Jumaatnya akan menjadi sia-sia sahaja.

## Makan Di Dalam Masjid

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْحَارِثِ قَالَ: كُنَّا نَأْكُلُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فِي الْمَسْجِدِ الْخَبَرِ وَاللَّحْمِ

(رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهَ)

## Maksudnya :

*Diriwayatkan daripada Abdillah bin Haris, katanya: “Adalah kami di zaman Rasulullah SAW makan roti dan daging di dalam masjid.”*  
(Riwayat Ibn Majah).





## Keterangan

Sungguhpun dapat difahamkan pada hadith di atas bahawa harus makan di dalam masjid, tetapi makanan tersebut hendaklah yang tidak meninggalkan kesan seperti tumpahan kuah, tercicir dan sebagainya yang boleh mencemarkan kebersihannya. Amalan makan di dalam masjid ditegah sama sekali (haram) sekiranya dengan amalan tersebut mengotorkan masjid dan boleh mengganggu para jemaah.

Oleh sebab masjid tempat turunnya rahmat, tempat para malaikat yang mulia dan juga sebagai tempat berkumpulnya orang Islam maka diwajibkan kepada semua Muslimin menjaga dan memeliharanya. Adalah elok sekiranya kita tidak makan atau menyediakan makanan di dalam masjid sebagai menghormati kemuliaan masjid sebagai rumah Allah.

### Membawa Kanak-Kanak Dan Membenarkan Orang Gila Masuk Ke Dalam Masjid

وَرَوَى عَنْ وَاثِلَةَ بْنِ الْأَسَدِ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ : جَبَبُوا مَسَاجِدَكُمْ صَبِيَانَكُمْ وَمَجَانِينَكُمْ  
وَشِرَاءَكُمْ وَتَبِعَكُمْ وَخُصُومَاتِكُمْ وَرَفَعِ أَصْوَاتِكُمْ، وَأَقَامَةَ حُدُودِكُمْ وَسَلِّ سِيُوفَكُمْ وَأَتَّخِذُوا عَلَىٰ آبَائِكُمْ  
الْمَطَاهِرَ وَجَمَرُوهَا فِي الْجُمُعِ (رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه)





## **Maksudnya :**

*Diriwayatkan daripada Wathilah bin al Asqa' bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Hendaklah kamu menjauhkan kanak-kanak daripada masjid, begitu juga orang gila, urusan berjual-beli, pertengkaran dan permusuhan, meninggikan suara, melaksanakan hudud, menghunus pedang dan jadikanlah pintu-pintunya suci dan hendaklah kamu menahannya (halang) dalam perhimpunan." (Riwayat Ibn Majah).*

## **Keterangan**

Masjid yang merupakan rumah Allah SWT adalah menjadi hak seluruh umat Islam. Tiada siapa yang dapat menghalang dari dikunjungi. Begitu juga tidak ada had masa untuk umat Islam mendampinginya. Hak keistimewaan ini akan dibatasi sekiranya disalahgunakan atau akan mencemarkan kesucian masjid.

Mengikut prinsip ini, orang gila dan kanak-kanak harus mengunjungi masjid, seandainya mereka tidak mencemarkan masjid atau bermain-main. Haram membawa mereka masuk ke masjid jika mencemarkan masjid dan bermain-main di dalamnya.




## Meminta Dan Memungut Derma / Sedekah Di Dalam Masjid

Tidak harus memberi sedekah atau derma kepada orang yang memintanya ketika kita berada di dalam masjid. Begitu juga dengan derma-derma yang dipungut semasa Imam (khatib) sedang membaca khutbah. Tegahan ini supaya tidak memalingkan niat dan rasa khusyuk seseorang ketika berada di dalam masjid dan lebih-lebih lagi mengganggu para jemaah untuk mendengar isi kandungan khutbah secara tenang dan untuk mengambil pengajaran daripadanya. Kutipan derma/sedekah ini tidak kira sama ada oleh orang perseorangan atau oleh jawatankuasa masjid dan surau yang sedang mendirikan sembahyang Jumaat, walaupun tujuannya untuk kebajikan umum.

## Membuang Najis Di Dalam Masjid

قَالَ ﷺ: إِنَّ هَذِهِ الْمَسَاجِدَ لَا تُصْلِحُ لِسَيِّئٍ مِنْ هَذَا الْبَوْلِ وَلَا الْقَدْرِ، إِنَّمَا هِيَ لِذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَالصَّلَاةِ وَقِرَاءَةِ الْقُرْآنِ (رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ)



### **Maksudnya:**

*Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya masjid ini bukanlah tempat untuk membuang air kencing dan kotoran. Sesungguhnya ia ada tempat untuk mengingati Allah SWT, solat dan membaca al-Qur'an.”*



(Riwayat Bukhari dan Muslim).



### **Keterangan**

Antara perbuatan yang ditegah juga ialah menjadikan masjid tempat membuang najis. Termasuklah menyediakan tandas di tempat yang tidak diharuskan. Hal ini bukan sahaja akan mencemarkan udara yang beredar, bahkan najis-najisnya mudah berpindah ke kawasan para jemaah beribadat.

### **Ulasan**

Masjid sebagai rumah Allah SWT, tempat hamba-hamba-Nya beribadat, suasana yang harmoni dan selesa perlulah diwujudkan, agar para pengunjungnya dapat melapangkan fikiran dan mendapat ketenangan hati untuk mendampingi diri kepada Allah SWT yang menciptakannya.





Untuk menjamin suasana tersebut, syariat Islam telah mengatur peraturan-peraturan ke arah mewujudkan suasana harmoni dan tenang. Segala aktiviti dan perbuatan yang mengancam ketenangan adalah ditegah, sama ada ianya mengancam kesucian bangunan atau kawasan masjid atau mengganggu para jemaah yang mengunjunginya. Antara larangan-larangan telah dijelaskan di atas.

Selain daripada itu, bolehlah difikirkan sendiri, di mana perkara perkara yang menimbulkan mudharat, pencemaran, mengganggu orang lain dan seumpamanya tentulah dilarang oleh Islam, lebih-lebih lagi perkara itu bertentangan dengan ajaran Islam.




# BAHAGIAN 4



## KELUAR DARI MASJID

Muka Surat

Berdoa Ketika Hendak Keluar Masjid	48
Berdoa Ketika Selesai Sembahyang	49
Tanggungjawab Sesudah Sembahyang	50
Kesimpulan	51
Rumusan	52



## Berdoa Ketika Hendak Keluar Masjid

عَنْ فَاطِمَةَ الزَّهْرَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا دَخَلَ الْمَسْجِدَ قَالَ: بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ وَإِذَا خَرَجَ قَالَ: بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَفْتَحْ لِي أَبْوَابَ فَضْلِكَ (رَوَاهُ إِمَامُ أَحْمَدُ وَابْنُ مَاجَهَ)

### Maksudnya :

*Diriwayatkan daripada Fatimah Al-Zahra' RA katanya: “Adalah Rasulullah SAW apabila Baginda masuk ke dalam masjid Baginda berdoa: Dengan nama Allah dan kesejahteraan itu adalah ke atas Rasulullah SAW, Ya Allah, ampunilah dosaku dan bukannya kepadaku semua pintu rahmat Engkau. Dan apabila keluar Baginda berdoa: Dengan nama Allah dan kesejahteraan itu adalah ke atas Rasulullah SAW, Hai Tuhan! ampunilah dosaku dan bukalah kepadaku semua pintu kurniaan-Kau.” (Riwayat Imam Ahmad dan Ibn Majah).*

### Keterangan

Disunatkan bagi mereka yang masuk ke dalam masjid dengan mendahului melangkah kaki kanan dan keluar daripadanya dengan mendahului kaki kiri, serta membaca Bismillah, selawat dan salam ke

atas junjungan Nabi SAW di samping memohon keampunan dan keredhaan daripada Allah SWT semoga dibuka pintu-pintu rahmat dan pintu-pintu kelebihan (keampunannya) kerana dengan amalan-amalan seperti ini bukan sahaja mendapat rahmat daripada Allah SWT malah ia juga dapat mengawal diri daripada fitnah dan tipu daya syaitan.

### **Berdoa Ketika Selesai Sembahyang**

عَنْ عُرَاكِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : أَنَّهُ كَانَ إِذَا صَلَّى الْجُمُعَةَ انْصَرَفَ فَوَقَّفَ عَلَى بَابِ الْمَسْجِدِ ،  
فَقَالَ : اللَّهُمَّ إِنِّي أَجِئْتُ دَعْوَتَكَ ، وَصَلَّيْتُ فَرِيضَتَكَ ، وَأَنْشُرْتُ كَمَا أَمَرْتَنِي فَأَرْزُقْنِي مِنْ فَضْلِكَ  
وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ (رَوَاهُ ابْنُ أَبِي حَاتِمٍ)

### **Maksudnya:**

*Daripada 'Urak bin Malik RA Apabila dia telah sembahyang Jumaat dia berpaling (dia selesai) maka dia berhenti di pintu masjid sambil berdoa: Hai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah memperkenankan panggilan Engkau dan aku telah sembahyangkan akan fardhu Engkau dan aku telah bertebaran di muka bumi sebagaimana yang telah Engkau suruh kepadaku maka hendaklah Engkau beri rezeki kepadaku daripada limpah kurnia Engkau dan Engkau adalah sebaik-baik pemberi rezeki.”*

(Riwayat Ibnu Abi Hatim).



## Keterangan

Sembahyang mengikut pengertiannya juga sebagai doa, tetapi jika seseorang itu ingin mohon sesuatu yang dihajati ada baiknya setelah selesai sembahyang diikuti dengan beberapa ungkapan doa mengikut keperluan yang dipohon (yang dihajati), kerana kita (sebagai hamba) berusaha dan berdoa, manakala pelaksanaan atau perkenan terhadap permohonan itu adalah tugas Allah SWT.


Oleh itu, jika seseorang itu ingin berdoa dengan menggunakan lafaz yang diucapkan oleh Baginda Rasulullah SAW bukan dengan maksud zikir, maka hendaklah dia memulakan dengan puji-pujian dan selawat, sesudah itu baharulah dia memohon doanya (hajatnya).

## Tanggungjawab Sesudah Sembahyang

Allah SWT berfirman :

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

(الجمعة : ١٠)



### **Maksudnya :**



*“Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatkanlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat). (al-Jumuah : 10)*



### **Keterangan**

Sembahyang itu satu kewajipan, mencari rezeki juga satu tanggungjawab. Kaum Muslimin seolah-olah bersifat malaikat sewaktu berada di dalam masjid, berpuasa (tidak makan/minum), tidak mengumpat dan sebagainya tetapi manusia tetap manusia, dia perlu tanggungjawab jasmaninya di samping mengisi keperluan rohaninya.

### **Kesimpulan**

Pada keseluruhannya, masjid bolehlah diistilahkan sebagai institusi ibadat dan pusat kebudayaan Islam di mana sahaja masjid didirikan adalah hak kaum Muslimin. Kewajipan menjaganya daripada unsur-unsur pencemaran dan mengawasi sebarang bentuk pencerobohan merupakan kewajipan dan tanggungjawab bersama.





Masjid merupakan rumah Allah SWT, setiap Muslim adalah tetamu. Para tetamu berkewajipan mengetahui adab dan peraturan tempat yang akan dikunjunginya. Dengan peradaban dan tata tertib ini bukan sahaja dapat mengenal peribadi seseorang itu malah, ia juga dapat menjadikan amalan yang dikerjakan itu benar-benar menepati dan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.


## RUMUSAN

### Menghormati Masjid

1. Beri salam ketika masuk ke masjid jika didapati ada manusia, jika tidak ada manusia atau manusia sedang mengerjakan sembahyang maka katalah :

السَّلَامُ عَلَيْنَا مِنْ رَبَّنَا وَعَلَىٰ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ

2. Hendaklah mengerjakan sembahyang dua rakaat sebelum duduk.
3. Ditegah berjual-beli di dalam masjid.
4. Dilarang membawa pedang ke dalam masjid.
5. Ditegah mencari sesuatu yang hilang di dalam masjid.
6. Ditegah meninggikan suara di dalam masjid selain daripada menyebut nama Allah SWT.
7. Dilarang berbual-bual mengenai hal-hal keduniaan.



8. Ditegah melangkah bahu (kepala) jemaah lain.
9. Ditegah berpindah-randah tempat melainkan jika mustahak.
10. Jangan menyempitkan orang yang berada di dalam saf.
11. Ditegah melintasi di hadapan orang yang sedang mengerjakan sembahyang.
12. Ditegah berludah di dalam masjid.
13. Ditegah mematahkan jari (membunyikan anak jari) di dalam masjid.
14. Hendaklah menjauhkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik.
15. Hendaklah membanyakkan zikrullah (menyebut nama Allah SWT) dan jangan sekali-kali lupa kepada-Nya.

